

DARI RUSUHAN KAUM KE COVID-19: EVOLUSI PERANAN MAJLIS KESELAMATAN NEGARA DI MALAYSIA DALAM MENANGANI KRISIS NEGARA

FROM RACIAL RIOTS TO COVID-19: THE ROLE EXOLUTION OF NATIONAL SECURITY COUNCIL IN DEALING WITH THE NATIONAL CRISIS

Mohd Ikbal Mohd Huda* and Siti Sabrina Imji Rahim

Research Center for History, Politics and International Affairs, Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia

*Corresponding author: ibahuda@ukm.edu.my

Published online: 30 April 2026

To cite this article: Mohd Ikbal Mohd Huda and Siti Sabrina Imji Rahim. 2026. Dari rusuhan kaum ke COVID-19: Evolusi peranan Majlis Keselamatan Negara di Malaysia dalam menangani krisis negara. *Kajian Malaysia* 44(1): 135–160. <https://doi.org/10.21315/km2026.44.1.7>

To link to this article: <https://doi.org/10.21315/km2026.44.1.7>

ABSTRACT

The national security structure has undergone a major transformation with the development of the health sector has now become part of the national security issue. The National Security Council (NSC) is the primary coordinating agency for national security issues. Looking back on the NSC's establishment history, it was first established on 16 May 1969 as the National Movement Council (MAGERAN) to address the racial riot that occurred on 13 May 1969, as well as to improve public safety and national defence. MAGERAN was then replaced by NSC on February 23, 1971, to coordinate national security policies and issue security directives. With the passage of time and the emergence of diverse contemporary security threats, NSC's functions and roles have expanded. Over time, the NSC's roles expanded to handle diverse contemporary security threats. With the global COVID-19 pandemic posing a significant national security threat, the NSC has been tasked with coordinating the response. This article will explain the development and evolution of NSC's role and function in handling national security issues, from its establishment as MAGERAN in 1969 to 2023. The study found that NSC successfully carries out its responsibilities but needs to implement reforms to address challenges and inherent weaknesses.

Keywords: security structure evolution, health, MAGERAN, NSC, reform

ABSTRAK

Struktur keselamatan negara mengalami satu evolusi perubahan yang besar dengan perkembangan sektor kesihatan kini telah menjadi sebahagian daripada isu keselamatan negara. Majlis Keselamatan Negara (MKN) merupakan agensi penyelarasan utama yang mengendalikan isu-isu keselamatan negara. Mengimbas kembali sejarah penubuhan MKN yang mula ditubuhkan pada 16 Mei 1969 sebagai Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) rentetan berlakunya peristiwa perbalahan kaum pada 13 Mei 1969. MAGERAN ditubuhkan bertujuan untuk meningkatkan keselamatan awam dan pertahanan negara. MAGERAN kemudiannya digantikan dengan MKN pada 23 Februari 1971 untuk menyelaraskan dasar yang berkaitan dengan keselamatan negara dan memberi arahan mengenai keselamatan. Dengan peredaran masa dan ancaman keselamatan kontemporari yang semakin berkembang dan pelbagai mengikut era, fungsi dan peranan MKN telah diperluas. Kini, dengan penularan pandemik COVID-19 di seluruh dunia termasuk Malaysia yang telah mengancam keselamatan negara serta menjadi isu keselamatan utama, MKN telah diberi mandat sebagai agensi penyelarasan dalam menangani pandemik COVID-19. Artikel ini akan menerangkan tentang perkembangan dan evolusi fungsi dan peranan MKN dalam mengendalikan isu keselamatan negara bermula dari penubuhannya sebagai MAGERAN pada tahun 1969 sehingga tahun 2023. Hasil kajian mendapati bahawa MKN berjaya menggalas tanggungjawab yang diberikan, namun perlu melakukan perubahan atau reformasi bagi menangani cabaran dan kelemahan yang wujud.

Kata kunci: evolusi struktur keselamatan, kesihatan, MAGERAN, MKN, reformasi

PENDAHULUAN

Keselamatan negara Malaysia seperti yang digariskan dalam Dasar Keselamatan Negara 2021–2025 merujuk suatu situasi bebas daripada sebarang ancaman terhadap nilai-nilai teras negara sama ada ancaman dari dalam atau luar negara (MKN 2021a). Wan Shawaluddin dan Ramli (2008) menyatakan bahawa bukan sahaja ancaman daripada negara lain atau isu ketenteraan yang boleh menggugat keselamatan sesebuah negara, malah isu lain seperti ekonomi, alam sekitar, kemasyarakatan, sosial, dan politik juga memberikan kesan. Oleh itu, adalah penting bagi Kerajaan Malaysia untuk menjaga keselamatan negara yang boleh terancam apabila berlakunya ancaman baik ketenteraan mahupun bukan ketenteraan.

Struktur pentadbiran keselamatan negara berada bawah tanggungjawab Majlis Keselamatan Negara (MKN). Sehubungan dengan itu, kajian tentang peranan MKN untuk menangani krisis negara amat penting agar masyarakat dapat memahami dengan lebih jelas tentang mekanisme pengurusan krisis pada peringkat nasional. Keperluan ini menjadi semakin ketara apabila MKN mula mendapat perhatian umum khususnya semasa penyelarasan pengurusan

pandemik COVID-19. Sebelum itu, persepsi masyarakat lebih tertumpu pada agensi-agensis barisan hadapan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan agensi lain sebagai pihak utama untuk menangani krisis. Jurang pengetahuan ini memerlukan pengukuhan peranan MKN sebagai agensi penyelarasan utama keselamatan negara, selaras dengan Dasar Keselamatan Negara 2021–2025 yang menekankan prinsip ‘keselamatan negara sebagai tanggungjawab bersama’. Bagi merealisasikan prinsip tersebut, peranan MKN perlu diperincikan dan diketengahkan dengan lebih berkesan agar kefahaman dan penglibatan masyarakat dapat dipertingkatkan.

Merujuk kajian lepas, perubahan juga perlu dilaksanakan oleh MKN di negara-negara luar. Menurut Demarest dan Borghard (2018), Akta Keselamatan Negara Amerika Syarikat 1947 perlu direformasikan untuk menghadapi cabaran yang lebih serius dalam persekitaran keselamatan negara kontemporari. Keperluan reformasi sistem pengurusan keselamatan turut disokong oleh Parker (2020) yang menyatakan bahawa MKN United Kingdom (UK) perlu diubah suai dan ditambah baik mengurus pandemik COVID-19 di UK dengan lebih berkesan. Kaynar (2017) pula menyatakan reformasi MKN Türkiye telah berjaya membawa pembaharuan dengan memberikan kuasa kepada orang awam dalam mengutarakan kepentingan keselamatan negara.

Perubahan yang dilaksanakan turut menunjukkan kejayaan seperti dalam kajian Fukushima dan Samuels (2018) yang menyatakan MKN Jepun telah mencapai tahap keberkesanan yang mengejutkan setelah meningkatkan kerjasama dengan Kementerian Luar Negeri dan Kementerian Pertahanan serta menggubal undang-undang, sehingga isu-isu keselamatan dapat diselesaikan dengan pantas/segera berbanding sebelumnya yang mengambil masa beberapa hari.


METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang merupakan kaedah kajian melalui pencarian, penerangan dan pemerhatian bukan numerikal walaupun terdapat keterangan yang merujuk statistik. Kaedah ini memberikan keterangan, interpretasi atau makna dalam sesuatu proses komunikasi serta memberikan keterangan tentang sifat dan keadaan manusia dengan menggunakan pandangan umum mengenai apa-apa jua tindakan sosial (Azizah 2010). Kaedah pengumpulan data kualitatif yang biasa digunakan adalah seperti pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen (Kamarul 2012). Data kualitatif dibahagikan kepada data primer dan data sekunder. Data primer merupakan bahan-bahan asal seperti dokumen sejarah dan laporan rasmi kerajaan. Data sekunder merupakan data yang diperoleh daripada jurnal artikel akademik, buku atau kertas persidangan.

Oleh itu, kaedah kualitatif yang digunakan ialah temu bual dengan pegawai kanan kerajaan, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO)/masyarakat serta analisis dokumen daripada dokumen/laporan rasmi kerajaan khususnya MKN termasuk laman rasmi dan sosial MKN, jurnal, artikel dan berita.

STRUKTUR ORGANISASI DAN PUNCA KUASA MKN

MKN merupakan sebuah Majlis yang dianggotai oleh Perdana Menteri selaku pengerusi majlis, Timbalan Perdana Menteri sebagai timbalan pengerusi majlis dan kemudian dibantu oleh menteri-menteri yang bertanggungjawab mengenai pertahanan, hal ehwal dalam negeri, komunikasi dan multimedia, Ketua Setiausaha Negara, Panglima Angkatan Tentera dan Ketua Polis Negara. Carta keanggotaan MKN seperti Rajah 1.



Rajah 1: Keanggotaan MKN.


Sumber: Parlimen Malaysia (2016)

Fungsi Majlis bagi MKN adalah untuk membuat dasar dan langkah strategik berhubung keselamatan negara merangkumi kedaulatan, integriti wilayah, pertahanan, sosiopolitik, ekonomi, sumber strategik, perpaduan negara, memantau pelaksanaan dasar dan langkah strategik berhubung keselamatan negara, menasihati Perdana Menteri bagi pengisytiharan kawasan keselamatan negara (kini pengisytiharan akan dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Majlis) dan melaksanakan apa-apa tugas lain yang berkaitan dengan keselamatan negara bagi maksud pelaksanaan Akta MKN 2016.

Kuasa Majlis pula adalah untuk mengawal dan menyelaraskan tindakan semua agensi kerajaan termasuk pasukan keselamatan dan mengeluarkan apa-apa arahan kepada semua agensi kerajaan termasuk pasukan keselamatan berhubung dengan perkara yang melibatkan keselamatan negara.

MKN merupakan agensi bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM), iaitu bawah naungan Perdana Menteri Malaysia. MKN mempunyai cawangan hampir di setiap negeri termasuk Sabah dan Sarawak. MKN diketuai oleh Ketua Pengarah Keselamatan Negara dan dibantu oleh dua timbalan yang masing-masing mengendalikan urusan berkaitan pengurusan keselamatan dan keselamatan strategik. Struktur pengurusan atasan ini disokong oleh penasihat undang-undang, juruaudit dalaman dan pengarah bahagian. Terdapat 12 bahagian yang ditubuhkan bawah MKN.

Bagi memastikan keselamatan negara dikendalikan secara holistik, setiap negeri di Malaysia mempunyai MKN peringkat negeri yang diketuai oleh pengarah keselamatan negeri. Mekanisme ini menyediakan MKN dengan kapasiti yang efektif bagi menangani apa-apa jua isu berkaitan keselamatan daripada peringkat akar umbi. Struktur organisasi MKN seperti yang tertera pada Rajah 2.



Rajah 2: Struktur organisasi MKN.

Punca kuasa kepada MKN ialah Arahan MKN No. 1 yang bersandarkan Akta Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 1979 yang menjelaskan pembentukan dan tanggungjawab MKN. MKN mempunyai 21 Arahan yang dikeluarkan sebagai panduan bagi menangani pelbagai ancaman keselamatan seperti kemasukan pelarian, kerjasama dua hala keselamatan dan pembangunan sempadan, kawalan keganasan, ketenteraman awam dan pengurusan krisis dan bencana.

Pada Disember 2015, Rang Undang-Undang MKN 2015 telah dibentangkan dan diluluskan di Parlimen. Seterusnya, pada Julai 2016, Akta MKN 2016 telah diwartakan. Pada 1 Ogos 2016, Akta MKN 2016 dikuatkuasakan sebagai satu akta utama yang memayungi kesemua 21 Arahan MKN tersebut. MKN turut mengeluarkan Dasar Keselamatan Negara pada tahun 2017 dan diperbaharu semula pada tahun 2021 sebagai panduan dan rujukan utama kementerian/agensi persekutuan dan negeri dalam penggubalan/semakan dasar-dasar sedia ada bagi mengurus dan menghadapi ancaman keselamatan negara yang semakin dinamik dan kompleks. Carta alir penggubalan dasar, arahan dan akta MKN seperti Rajah 3.



Rajah 3: Carta alir penggubalan Dasar, Arahan dan Akta MKN.

Sumber: MKN (2021a).

Menurut Ketua Pengarah Keselamatan Negara, Rodzi Md Saad, MKN merupakan satu jawatankuasa eksekutif bersifat eksklusif yang diketuai oleh Perdana Menteri dan dianggotai oleh enam orang ahli. Struktur MKN sehingga kini tetap sama. Namun, perubahan-perubahan berlaku dari segi peranan, skop dan tanggungjawab yang semakin meluas, mengikut cabaran semasa.¹

Hasil temu bual pengkaji dengan pihak kerajaan, swasta dan NGO mengenai sejauh mana kefahaman mereka mengenai fungsi dan peranan MKN dan perbezaannya dengan agensi lain, Pengurus Sokongan Strategik, Bahagian Keselamatan Kumpulan Petronas, Kaisan bin Kassim menyatakan beliau amat jelas dengan fungsi dan peranan MKN yang merupakan agensi tonggak dalam mengkoordinasikan isu-isu keselamatan dalam negara dan menggariskan polisi serta arahan keselamatan pada peringkat yang tertinggi, bagi pelaksanaan pada peringkat agensi-agensi keselamatan selanjutnya.² Menurut Ahmad Harris bin Azizool Arif, Pengurus Kanan (Pegawai Khas kepada Pengarah Urusan), Malaysia Airports Holdings Berhad, beliau juga jelas dengan fungsi dan peranan MKN setakat yang sedia ada berdasarkan pengalaman berurusan dengan MKN terutamanya ketika pandemik COVID-19 melanda pada tahun 2020.³

Namun, berbeza pula pandangan hasil temu bual bersama seorang pegawai United Nations High Commissioner for Refugees (UNHCR). Beliau melihat fungsi MKN seperti Central Intelligence Agency (CIA) dan Military Intelligence, Section 6 (MI6). Ahli keluarga beliau sendiri juga tidak mengetahui fungsi MKN.

Beliau berpandangan kekurangan maklumat ini adalah disebabkan bidang tugas MKN tidak berkaitan dengan kehidupan mereka. Pada pandangan beliau, MKN sangat relevan tetapi masih memerlukan perubahan dan reformasi. Untuk kekal relevan, MKN perlu lebih proaktif dan progresif serta meningkatkan keterlihatan bagi meningkatkan lagi kepercayaan masyarakat kepada MKN. Dengan meningkatkan keterlihatan, MKN boleh bersuara dan masyarakat tidak akan mempersoalkannya.⁴

Menurut Kamaruddin Kassim, Pengarah Bahagian Korporat, NGO Yayasan Ikhlas pula menyatakan bahawa fungsi dan peranan MKN adalah sebagai peneraju keselamatan negara.⁵ Dr. Mahesh Appannan, Ketua Bahagian Data, Crisis Preparedness and Response Centre (CPRC), yang merangkap Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Kawalan Penyakit CPRC, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pula mempunyai pandangan yang lain. Sebelum bekerjasama dengan MKN dalam menguruskan pandemik COVID-19, beliau hanya mengetahui peranan MKN adalah dalam menangani bencana alam berdasarkan Arahan MKN No. 20.⁶

Pengkaji melihat pandangan oleh pihak kerajaan, swasta, masyarakat dan NGO berpunca daripada kelemahan MKN yang tidak menguar-uarkan peranannya (terlalu berahsia) serta ketidakfahaman agensi terhadap Arahan MKN. Masih ramai juga yang tidak memahami bahawa MKN hanya berperanan sebagai agensi penyelarasan dan pelaksanaannya oleh agensi-agensi pelaksana seperti yang termaktub dalam Akta dan Arahan MKN.

Menurut Dr. Nazira Abdul Rahman, bekas Pengarah Bahagian Korporat dan Dasar, MKN, kekurangan maklumat tentang fungsi MKN disebabkan oleh MKN bertindak di belakang tabir.⁷ Tajul Ariffin Muhamad, Pengarah Bahagian Pengurusan Krisis dan Perisikan Negara, MKN pula menyatakan orang ramai dan media tidak mengetahui penglibatan MKN kerana MKN bertindak di peringkat strategi dan operasi kerahsiaan.⁸

MKN SEBAGAI AGENSI PENYELARAS UTAMA KESELAMATAN NEGARA

Asal Usul MKN dan Pencetus Krisis: Rusuhan Kaum 1969

MKN pada asalnya dikenali sebagai Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) yang ditubuhkan pada 16 Mei 1969 rentetan berlakunya tragedi rusuhan kaum pada 13 Mei 1969. MAGERAN berfungsi untuk meningkatkan keselamatan awam dan pertahanan negara.

Insiden 13 Mei 1969 telah membawa kepada pengisytiharan Darurat oleh Yang di-Pertuan Agong pada 15 Mei 1969 di bawah Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan. Pengisytiharan tersebut telah memberi kuasa kepada MAGERAN untuk membantu Perdana Menteri merangkap Pengarah Gerakan Negara bagi mengukuhkan keselamatan awam, pertahanan negara dan memelihara ketenteraman awam, bekalan-bekalan dan perkhidmatan-perkhidmatan penting negara dalam usaha memulihkan negara kepada keadaan aman dan harmoni.

Nor Azlah Sham dan Rashidah (2017) dalam kajian mereka menyatakan bahawa konflik perkauman antara kaum Melayu dan bukan Melayu meletus sehingga ke tahap serangan dan pembunuhan yang amat membimbangkan. Dalam kajian berlainan, Nor Azlah Sham dan Mohamed Ali (2018) menyatakan konflik ini berpunca daripada semangat perkauman dan ketidakpuasan hati berhubung isu-isu yang bercorak politik dan budaya serta pemikiran yang berbeza. Namun kajian oleh Ishak (2013) menyatakan penubuhan MAGERAN dan beberapa langkah baharu yang diambil dapat membendung rusuhan ini dan berjaya memulihkan keadaan. Mohd Sohaimi dan Romzi (2020) turut menyatakan MAGERAN telah mengembalikan semula keamanan negara dan kepercayaan antara kaum. Rodzi Md Saad, Ketua Pengarah Keselamatan Negara turut menyokong kenyataan-kenyataan ini dengan menyatakan kewujudan MAGERAN telah menunjukkan kejayaan dalam menangani ancaman ketenteraman awam yang berlaku.⁹

Melalui era penubuhan MAGERAN, ia lebih berfungsi dalam mengawal isu-isu yang berkaitan perbalahan kaum di antara kaum Melayu dan bukan Melayu. Apabila keadaan bertambah baik, MAGERAN dibubarkan pada awal tahun 1971. Walau bagaimanapun, kerajaan merasakan kewujudan badan/agensi yang bertanggungjawab untuk mengurus hal-hal keselamatan di peringkat nasional, negeri dan daerah masih diperlukan kerana terdapat ancaman komunis dan hubungan antara kaum juga masih rapuh ketika itu.

MKN dan Pengurusan Krisis pada Tahun 1970-an sehingga 1980-an

Pada 23 Februari 1971, jemaah menteri telah bersetuju untuk menubuhkan MKN secara rasminya pada 7 Julai 1971, melalui mesyuarat Bil. 83/750/71 pada 31 Julai 1971 dengan memutuskan: "*The establishment of a National Security Council*", yang menghuraikan peranan MKN iaitu, "*Since the future racial peace in this country depends on how well the government handles the sensitive issues, it is suggested that the NSC shall be the body to look into the matter*" (MKN n.d.).

Penubuhan MKN adalah bagi memastikan terdapat satu badan urus setia yang dapat menjalankan tugas secara berkesan yang diletakkan di bawah JPM dan dikenali sebagai Pejabat MKN, JPM sehingga kini. MKN yang ditubuhkan ini berfungsi untuk menyelaraskan dasar yang berkaitan dengan keselamatan

negara dan memberi arahan mengenai keselamatan termasuk pergerakan keselamatan, keamanan awam dan semua perkara yang berkaitan dengan keselamatan di seluruh negara di peringkat persekutuan, negeri dan daerah.

Pada era ini, antara krisis keselamatan negara yang berlaku dan diselaraskan oleh MKN adalah pada tahun 1970-an iaitu lebih daripada 250,000 pelarian Vietnam tiba di Malaysia dengan menggunakan bot. Kerajaan Malaysia terpaksa mencari satu kawasan khas untuk menempatkan pelarian-pelarian ini di Pulau Bidong, Terengganu. UNHCR juga kemudiannya dijemput oleh Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Luar Negeri bagi membantu menguruskan pelarian Vietnam untuk ditempatkan ke negara ketiga. Kerajaan Malaysia dengan bantuan UNHCR kemudiannya telah berjaya menempatkan semula kira-kira 240,000 pelarian Vietnam ini ke Amerika Syarikat, Kanada, Australia, Perancis, New Zealand, Sweden, Finland, Denmark dan Norway. Lebih daripada 9,000 orang pula telah dihantar kembali ke Vietnam (UNHCR 2005). Kemudian pada tahun 1970-an hingga 1980-an, kira-kira 50,000 pelarian Muslim Filipina telah mendapatkan perlindungan di Sabah setelah melarikan diri dari konflik di Mindanao. Pada tahun 1980-an, beribu pelarian Muslim Kemboja telah ditawarkan perlindungan sementara di Malaysia (MKN 2021a).

Krisis lain ialah berkaitan dengan rampasan bangunan American Insurance Associates (AIA) pada 4 Ogos 1975 oleh kumpulan pengganas Jepun iaitu Japanese Red Army (JRA) atau Tentera Merah Jepun di mana JRA telah menahan sebanyak 53 tebusan warga Malaysia dan juga warga asing dari negara Amerika Syarikat dan Sweden. Penahanan ini dilakukan oleh JRA sebagai strategi revolusi untuk mendesak agar Kerajaan Malaysia berunding dengan Kerajaan Jepun bagi membebaskan lima orang pemimpin mereka dari penjara Jepun. Kerajaan Malaysia berjaya melakukan rundingan melalui Kementerian Dalam Negeri (KDN) dengan Kerajaan Jepun iaitu Kerajaan Jepun telah bersetuju untuk membebaskan kesemua pemimpin JRA dan kesemua tahanan telah dibebaskan oleh pihak JRA. Tiada kematian yang berlaku, namun terdapat seorang warga Malaysia yang ketika itu bertugas sebagai pengawal keselamatan yang menjaga bangunan AIA telah terkena tembakan di kepala dan mengalami kecederaan. Dalam menyelesaikan krisis ini, rundingan awal telah dibuat oleh Menteri Komunikasi tetapi tidak berhasil. Timbalan Menteri Pengangkutan dan Setiausaha Agong KDN juga terlibat dalam menjadi tebusan sebagai pertukaran bagi mengiringi lima pemimpin JRA (Kay 2018).

Daripada dua krisis keselamatan negara yang berlaku pada era ini, dapat dilihat isu keselamatan negara telah berubah daripada isu berkaitan perbalahan kaum kepada isu pelarian dan keganasan. Dalam isu pelarian Vietnam, peranan MKN melalui inisiatif bersama-sama dengan Kementerian Luar Negeri, Kerajaan Negeri Terengganu dan agensi-agensi lain yang terlibat dalam usaha

menempatkan pelarian Vietnam di sebuah pulau yang tidak didiami bagi membantu mereka yang terpaksa lari dari negara asal melalui jalan laut untuk menyelamatkan diri daripada peperangan. MKN turut mengambil inisiatif dengan mengeluarkan Arahan MKN No. 10: Pasukan Petugas Pendetat-pendetat Haram Vietnam pada 8 Disember 1978 yang ditandatangani oleh Tun Hussein Onn, Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu sebagai panduan dalam menangani pelarian Vietnam tersebut.

Bagi isu rampasan bangunan AIA oleh pengganas Jepun pula, KDN merupakan agensi yang berjaya menangani isu ini melalui perundingan (Kay 2018). Jika dibandingkan dengan keadaan pentadbiran negara kini, segala rundingan dengan negara luar dilaksanakan oleh Kementerian Luar Negeri dan penyelarasan keselamatan oleh MKN. Inisiatif MKN adalah dengan mewujudkan Arahan MKN No. 18 iaitu Pengurusan dan Pengendalian Krisis Keganasan sebagai panduan bagi menangani keganasan namun dikeluarkan pada era seterusnya iaitu 26 Ogos 1991.

Arahan yang turut dikeluarkan pada era ini ialah Arahan MKN No. 1 iaitu Penubuhan MKN pada 31 Julai 1971, namun telah dimansuhkan dan ditukar menjadi Arahan MKN No. 9 iaitu Pemerintahan dan Kawalan Perkara-Perkara Keselamatan pada 24 September 1974. Bagi mengawal dan menguruskan isu sempadan darat Malaysia dan Thailand, MKN telah mengeluarkan Arahan MKN No. 11 iaitu Rancangan Keselamatan dan Pembangunan (KESBAN) di Perbatasan Malaysia-Thailand pada 5 Februari 1980.

Perubahan isu keselamatan ini menunjukkan ancaman keselamatan yang melanda negara tidak boleh dijangka dan boleh berubah mengikut peredaran masa. Jika dibandingkan dengan era sebelum ini, ancaman lebih berbentuk kepada ancaman dalaman iaitu di antara kaum di Malaysia sedangkan pada era ini melibatkan isu pelarian dan pengganas iaitu satu bentuk ancaman luar dari negara Vietnam, Jepun, Filipina dan Kemboja. Kemasukan ancaman baharu ini memerlukan MKN untuk mengkaji semula fungsi dan peranannya. Penubuhan MKN yang menggantikan MAGERAN pada asalnya secara spesifik adalah bagi menghadapi ancaman komunis dan disebabkan hubungan antara kaum semakin rapuh, namun fungsinya telah berubah dan berkembang menjadi lebih luas melibatkan kemasukan rakyat daripada negara luar.

Dalam krisis berkaitan pelarian, Dr. Nazira berpandangan bahawa tahap koordinasi MKN dengan agensi-agensi adalah baik.¹⁰ Dalam krisis keganasan AIA, Tajul menyatakan ia boleh ditangani oleh PDRM sahaja dan tidak memerlukan penglibatan pelbagai agensi. Pada ketika itu, MKN masih dalam peringkat dasar dan strategi serta sedang dalam tempoh pembelajaran untuk mengeluarkan arahan yang sesuai. MKN juga bertindak sebagai agensi yang menerajui dan pada masa yang sama, terdapat banyak agensi keselamatan di bawah MKN yang

bertindak sebagai pelaksana, termasuk PDRM.¹¹ Namun, Dr. Nazira menyatakan ia disebabkan peranan MKN hanya melalui mesyuarat-mesyuarat penyelarasan tetapi tidak ditonjolkan.¹²

MKN dan Pengurusan Krisis pada Era 1990-an

Pada era ini, pelbagai jawatankuasa telah ditubuhkan bagi membantu MKN dalam pelaksanaan fungsi-fungsinya. Jawatankuasa-jawatankuasa ini meliputi semua aspek keselamatan negara. Antaranya ialah Jawatankuasa Perisikan Negara, Jawatankuasa Perancang Gerakan, Jawatankuasa Geraksaraf dan Perangsaraf, Jawatankuasa Kawalan Ketenteraman Awam, Jawatankuasa Am Sempadan (Malaysia-Thailand dan Malaysia-Indonesia) dan Jawatankuasa Kawalan Keganasan serta satu unit khas iaitu Pasukan Petugas Khas Persekutuan untuk Sabah dan Labuan (PPKP S/L) bagi pengurusan pendatang tanpa izin (PATI).

Krisis pada era ini masih melibatkan isu pelarian, iaitu pada awal tahun 1990-an, pelarian-pelarian yang ditempatkan di Pulau Bidong, Terengganu telah mengadakan demonstrasi berdarah apabila Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah mengumumkan untuk membawa keluar pelarian-pelarian ini dari Malaysia untuk ditempatkan ke negara ketiga. Demonstrasi ini menyebabkan Kerajaan Malaysia memindahkan pelarian tersebut ke Kem Sungai Besi. Di kem baharu ini, mereka telah mencetuskan rusuhan besar yang berlangsung selama lebih 16 jam pada 5 Jun 1995 sebagai tanda proses dan menyebabkan beberapa kem telah terbakar dan musnah serta mengorbankan seorang pelarian dan mencederakan lebih 10 anggota keselamatan yang bertugas daripada Pasukan Simpanan Persekutuan, bomba dan polis hutan (Amirul 2020).

Anggota polis juga menemukan pelbagai senjata tajam seperti lembing, parang, senapang panah dan pedang yang dihasilkan oleh kumpulan perusuh semasa serbuan dibuat. Setelah beberapa siri rundingan dengan pelarian-pelarian ini yang beberapa kali menemukan kegagalan, akhirnya Kerajaan melalui MKN dan agensi lain berjaya dalam rusuhan tersebut dan semua perusuh yang terlibat telah ditempatkan di kem tahanan sementara pelarian di Kerayong, Pahang untuk diasingkan daripada pelarian-pelarian yang tidak melakukan rusuhan ini (Amirul 2020). Akhirnya, kesemua pelarian Vietnam ini berjaya dihantar ke negara ketiga (Amerika Syarikat, Kanada, Australia, Perancis, New Zealand, Sweden, Finland, Denmark dan Norway) dengan pecahan 96.4% dan 3.6% kembali ke negara asal (Vietnam) (UNHCR 1996).

Selain isu pelarian Vietnam pada era ini, Malaysia juga memberikan perlindungan kepada 3,000 pelarian Syria yang melarikan diri daripada perang saudara di Syria (Bernama 2015). Kemudian pada tahun 1990-an, beratus orang Bosnia telah diberikan perlindungan suaka di Malaysia rentetan perang saudara di Yugoslavia (MKN 2023).

Pelarian Rohingya juga telah mula memasuki Malaysia bagi mendapatkan perlindungan selepas junta tentera Myanmar melaksanakan undang-undang Burma Citizenship of Law 1982 yang menafikan hak kerakyatan etnik Rohingya dan sekali gus mereka diisytiharkan sebagai 'pendatang asing' di tanah air sendiri. Jumlah kehadiran etnik Rohingya juga telah dikesan meningkat sejak tahun 1990-an sehinggalah ke tahun ini. MKN dengan bantuan UNHCR telah menyelaraskan pelarian Rohingya untuk ditempatkan ke negara ketiga juga.

Selain itu, krisis keselamatan negara yang lain ialah tragedi runtuhannya Kondominium Highland Towers pada 11 Disember 1993 yang telah mengorbankan 48 nyawa apabila salah satu blok daripada tiga blok kondominium 12 tingkat telah runtuh akibat hujan berpanjangan selama 10 hari yang menyebabkan tembok penahan runtuh. Antara agensi yang terlibat dalam misi mencari dan menyelamatkan ialah 124 anggota Pasukan Simpanan Persekutuan, 30 anggota tentera, ratusan anggota polis, bomba dan agensi keselamatan yang lain serta bantuan dari negara luar iaitu pasukan mencari dan menyelamatkan dari Britain, Amerika Syarikat dan Perancis (Amir 2017).

Dapat dilihat pada era ini, isu keselamatan masih sama yang menjerus ke arah isu pelarian iaitu daripada negara Vietnam, Myanmar, Syria, Bosnia dan Rohingya di mana agensi yang bertanggungjawab adalah MKN dan KDN. Kesenambungan isu pelarian ini membawa MKN untuk mengeluarkan Arahan MKN No. 23 iaitu Mekanisme Pengurusan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) Yang Memegang Kad UNHCR. Namun arahan ini dikeluarkan agak lewat iaitu pada 24 Ogos 2009. Bagi isu runtuhannya bangunan, tiada unsur jenayah atau sabotaj yang disebabkan oleh kecuaiannya melibatkan isu-isu pembinaan dan perparitan bangunan tersebut (Roznah 2020).

MKN telah mengambil inisiatif dengan mengeluarkan Arahan MKN No. 19 iaitu Penubuhan Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia yang dikeluarkan pada 2 Ogos 1996 bagi menghadapi isu seperti runtuhannya bangunan. Pada era ini juga, MKN telah mengeluarkan Arahan MKN No. 9 iaitu Pemerintahan dan Kawalan Perkara-Perkara Keselamatan pada 24 September 1974 dan telah dikemas kini menjadi Arahan MKN No. 12 yang dikeluarkan pada 11 Mac 1982 dengan tajuk arahan yang sama.

Namun, seorang pegawai UNHCR menyatakan terdapat kelemahan semasa MKN menguruskan isu berkaitan pelarian, iaitu MKN tidak menyimpan data mengenai pelarian. MKN sepatutnya meminta Jabatan Perangkaan Malaysia mengumpul data UNHCR. Beliau melihat MKN tidak meletakkan data sebagai perkara yang penting serta tidak menggunakan peluang yang ada untuk mengumpul data. Oleh itu, beliau merasakan MKN perlu disemak semula agar lebih proaktif untuk kekal relevan.¹³

BKN dan Isu Keselamatan Bukan Tradisional

Pada 3 April 1995, Pejabat MKN, JPM telah disusun semula sebagai Bahagian Keselamatan Negara (BKN), yang diketuai oleh Ketua Pengarah BKN. Ketua Pengarah BKN dikenali sebagai Setiausaha BKN, JPM. BKN masih diletakkan di bawah JPM yang bertanggungjawab untuk menyelaraskan dasar yang berkaitan dengan keselamatan serta mengarahkan tindakan yang diperlukan oleh agensi yang berkaitan. Penyusunan ini juga mewujudkan Bahagian Keselamatan Negeri dan Bahagian Keselamatan Daerah.

Antara krisis keselamatan negara yang berlaku semasa MKN sebagai BKN ialah insiden Bukit Jenalik pada tahun 2000. Terdapat satu pertempuran antara pasukan keselamatan negara dengan kumpulan pengganas yang menggelarkan diri mereka sebagai Al-Maunah, yang berlaku di Bukit Jenalik, Sauk, Perak. Kumpulan ini dianggotai oleh 27 orang yang merancang untuk menggulingkan kerajaan. Mereka telah bertindak melarikan senjata dan ribuan peluru dari kem Rejimen Askar Wataniah di Gerik, Perak. Kumpulan ini akhirnya dapat ditumpaskan oleh pasukan Tentera Darat Malaysia (TDM) melalui Op Subuh melalui kerjasama pasukan khas PDRM dengan menyerbu pangkalan Al-Maunah yang berkubu di Sauk. Walau bagaimanapun, dua anggota keselamatan telah terkorban, iaitu seorang anggota TDM dan seorang anggota PDRM (*Bernamea* 2019). MKN sebagai agensi penyelarasan keselamatan negara telah berjaya menyelaraskan tindakan TDM dan PDRM sehingga berjaya menangani insiden keganasan di Bukit Jenalik oleh pengganas Al-Maunah.

Dalam insiden ini, MKN terlibat melalui penyelarasan dan pengarah tindakan kepada agensi-agensi di lapangan untuk mengambil tindakan termasuk ATM dan PDRM melalui mesyuarat yang diadakan oleh MKN.¹⁴ MKN menggunakan Arahan MKN No. 18 iaitu mengerahkan pasukan perunding dan pengaktifan arahan ini.¹⁵

Aktiviti keganasan seterusnya melibatkan penculikan warganegara Malaysia dan asing di Pulau Sipadan pada 23 April 2000 oleh kumpulan pengganas Abu Sayyaf yang bersenjata dengan membawa tahanan menaiki bot ke Pulau Jolo, di Kepulauan Sulu dari selatan Filipina. Penculikan ini dilakukan bagi tujuan mendapatkan wang tebusan daripada Kerajaan Malaysia. Tahanan terdiri daripada 21 tebusan yang diculik dari sebuah resort di Malaysia. Susulan insiden ini, Ketua Pasukan Tugas Khas Anti-Keganasan Filipina iaitu Kolonel Andreline Colina telah menahan salah seorang anggota kumpulan Abu Sayyaf iaitu Nabil Talahi Idjiran di selatan bandar pelabuhan Zamboanga, Filipina (*mStar* 2014a). Antara inisiatif Kerajaan Malaysia termasuklah membayar sebanyak \$3 juta pada 20 Ogos 2000 kepada kumpulan pengganas bagi membebaskan tiga warga Malaysia daripada tawanan (Baruah 2000).

Dalam insiden ini, MKN terlibat dengan mengaktifkan Arahan MKN No. 18 iaitu Pengurusan dan Pengendalian Krisis Keganasan (*Terrorism*). Selain itu, Tajul telah pergi sendiri ke Selatan Filipina untuk mengadakan rundingan bagi melepaskan tebusan. Hasil rundingan ini telah membawa kepada pembebasan tebusan-tebusan tersebut. Ketua pengganas iaitu Abu Sayyaf juga dilihat lebih mempertimbangkan Malaysia dengan melepaskan tebusan-tebusan warga Malaysia disebabkan Malaysia yang juga merupakan negara Islam.¹⁶ MKN juga menyelaraskannya melalui Operasi Pasir (Ops Pasir) bagi menangani insiden ini.¹⁷

Susulan daripada insiden ini juga, MKN telah mewujudkan Arahan MKN No. 22 iaitu Arahan Mengenai Pengurusan dan Kawalselia Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan yang dikeluarkan pada 21 Mei 2008 sebagai panduan sekiranya berlaku lagi penculikan di Pulau Sipadan atau pulau lain di Malaysia. Insiden-insiden yang melibatkan kegiatan pengganas ini juga menyebabkan Arahan MKN No. 18 telah ditambah baik semula pada 10 Julai 2002 yang menggantikan arahan asal yang dikeluarkan pada 26 Ogos 1991.

Selain itu, antara punca lain penambahbaikan disebabkan oleh insiden 9/11. MKN mula menekankan mengenai ancaman daripada aktor bukan negara (*non-state actor*). Selain itu, MKN juga menambah *chain of command* dan perincian pekerja.¹⁸

Menurut Tajul, Arahan MKN No. 18 dikeluarkan bagi mengkoordinasikan tindakan pelbagai agensi. Apabila berlaku sesuatu insiden keganasan, ia memerlukan *chain of command*. Arahan ini membantu menjelaskan fungsi dan peranan agensi-agensi terlibat termasuk agensi awam, polis dan tentera. Oleh itu, arahan ini telah menetapkan agensi yang akan mengetuai insiden yang berlaku.¹⁹

Seterusnya pada 20 Januari 2011, berlaku insiden rampasan kapal Malaysia oleh lanun Somalia di Gulf of Aden iaitu seramai tujuh orang lanun warga Somalia yang bersenjatakan raifal automatik AK-47 dan pistol telah menyerang dan merampas sebuah kapal dagang MT Bunga Laurel milik Jepun yang disewa oleh Syarikat Perkapalan Antarabangsa Malaysia Bhd (MISC Berhad) yang dalam perjalanan menghantar muatan minyak pelincir dan bahan kimia jenis *ethylene dichloride* dari Asia Barat ke Singapura. Walau bagaimanapun, anggota komando Pasukan Khas Laut (PASKAL), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) telah berjaya menawan semula kapal tersebut dan kesemua lanun Somalia telah ditahan dan tiga orang daripadanya cedera akibat bertempur dengan PASKAL, TLDM. Kesemua 23 orang anak kapal warga Filipina yang bertugas di kapal tersebut berjaya diselamatkan. PDRM kemudiannya mengambil alih kes ini bagi proses penahanan dan perbicaraan di mahkamah (Foong 2011).

Dalam insiden ini, MKN juga terlibat melalui pengaktifan Arahan MKN No. 18. Tajul sendiri ketika ini telah menghadiri satu sesi perundingan di Djibouti, Afrika yang bersebelahan dengan Somalia. Djibouti telah menjadi fasilitator dengan menubuhkan satu jawatankuasa khas, yang turut melibatkan seorang perunding dari Somalia iaitu Rahman, bekas penasihat Presiden Somalia, bagi menyelesaikan insiden ini dan bagi membebaskan kapal yang ditahan ini. Rundingan ini mengambil masa yang lama iaitu selama lapan bulan. Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu Tun Abdullah bin Ahmad Badawi juga mengarahkan agar kapal tersebut dibebaskan segera. Hasil rundingan tersebut, dua kapal telah berjaya dibebaskan dalam tempoh dua bulan kerana dimiliki oleh syarikat swasta yang besar, manakala kapal ketiga, yang merupakan kapal terkecil milik syarikat swasta, telah dibebaskan selepas lapan bulan kerana syarikat tidak mampu untuk membayar wang pampasan tinggi yang dikenakan oleh pegganas, melibatkan mata wang USD bernilai jutaan ringgit. Insiden ini melibatkan kematian seorang warga Filipina apabila seorang lanun secara tidak sengaja melepaskan tembakan dan terkena mangsa. Tujuan lanun sebenarnya bukan untuk membunuh tetapi lebih kepada mendapatkan wang pampasan.²⁰

Dr. Nazira menyokong pernyataan ini dan memaklumkan bahawa MKN terlibat dalam rundingan tersebut yang diketuai oleh Tajul ketika itu. Menurutnya, MKN telah mengkoordinasikan strategi dan menghantar Tajul untuk membebaskan rakyat dengan membawa wang tebusan.²¹

Seterusnya pada tahun 2013, berlaku insiden Lahad Datu iaitu seramai 235 pegganas Filipina yang sebahagiannya bersenjata telah mendarat di Kampung Tanduo, Lahad Datu, Sabah untuk menuntut Sabah dikembalikan ke wilayah kesultanan Sulu. Konflik itu diisytiharkan tamat pada 10 April 2013 apabila Perdana Menteri Malaysia dengan kerjasama KDN telah berjaya mengadakan rundingan dengan pegganas-pegganas tersebut yang menggelar diri mereka sebagai Askar Diraja Kesultanan Sulu dan Borneo Utara. Kerajaan Filipina turut membantu membawa pulang dan mengusir mereka keluar dari Sabah. Insiden ini telah mengorbankan seramai 12 anggota keselamatan dan 6 orang awam serta 56 orang pegganas tersebut. Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM) juga ditubuhkan pada 7 Mac 2013 susulan insiden ini (Raiham 2020).

Dalam insiden ini, *Prosedur Operasi Standard (Standard Operating Procedure, SOP)* dan *Terms of Reference (TOR)* bagi penubuhan ESSCOM telah dirangka dan disediakan oleh MKN. Orang ramai dan media tidak mengetahui penglibatan MKN kerana MKN bertindak di peringkat strategi dan operasi kerahsiaan. Oleh itu, penglibatan MKN memang tidak terdedah dan masyarakat hanya dapat melihat penglibatan di lapangan oleh agensi keselamatan yang lain. Tindakan agensi-agensi keselamatan ini juga sebenarnya melalui pengarahan dan penyelarasan MKN.²²

Setahun selepas insiden Lahad Datu ini, dunia dikejutkan dengan berlakunya insiden kehilangan kapal terbang Malaysia Airlines (MAS) MH370 pada 8 Mac 2014 yang berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dan dijadualkan mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Beijing, China. Kerajaan Malaysia kemudiannya menggerakkan Jabatan Penerbangan Awam, Tentera Udara Diraja Malaysia, TLDM dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia serta meminta bantuan antarabangsa termasuk Amerika Syarikat, Australia, China, Filipina, India, Indonesia, New Zealand, Singapura, Taiwan, Thailand dan Vietnam bagi misi mencari dan menyelamatkan. Misi ini melibatkan bantuan daripada 11 buah negara, 34 buah pesawat dan 40 buah kapal namun kapal terbang MH370 masih gagal ditemukan dan menjadi misteri sehingga kini.

Insiden ini telah menyebabkan kesemua 227 penumpang dan 12 anak kapal yang hilang dianggap telah terkorban. Pada 24 Mac 2014, Kerajaan Malaysia melahirkan kepercayaan bahawa kapal terbang MH370 telah berakhir di selatan Lautan Hindi dengan tiada yang terselamat (*mStar* 2015a). Terdapat spekulasi menyatakan kehilangan ini didalangi kumpulan pengganas dari China namun Menteri Pertahanan Malaysia merangkap Menteri Pengangkutan ketika itu menolak spekulasi ini dengan menyatakan tiada dasar kukuh untuk membuktikannya (Radzi 2014).

Kemudian, empat bulan selepas insiden MH370 ini, berlaku satu lagi insiden melibatkan kapal terbang MAS, MH17 iaitu penerbangan dari Amsterdam ke Kuala Lumpur. Kapal terbang tersebut telah terhempas di Ukraine setelah ditembak jatuh oleh peluru berpandu kumpulan pemisah pro-Rusia bersenjata pada 17 Julai 2014. Pusat Media Krisis Ukraine menyatakan bahawa kumpulan pemisah mungkin telah tersalah anggap MH17 sebagai pesawat tentera Ukraine dan menembaknya.

Walau bagaimanapun, tiada pihak sama ada kumpulan pemisah, tentera Ukraine ataupun Rusia yang mengaku terlibat dengan insiden ini (*mStar* 2015b). Insiden ini telah menyebabkan kesemua 283 penumpang dan 15 anak kapal dalam kapal terbang tersebut terkorban (*Malaysiakini* 2014). Agensi yang terlibat dalam menghulurkan bantuan ialah MKN, Kementerian Pengangkutan Malaysia, Pasukan Mencari Menyelamat Khas Malaysia, PDRM, Pasukan Petugas Udara Khas Malaysia, ATM, Jabatan Penerbangan Awam, Jabatan Kimia, Jabatan Agama Islam Malaysia, Pasukan Pengesanan Mangsa dan Bencana serta agensi media yang terlibat (*mStar* 2014b).

Menerusi insiden kehilangan kapal terbang MH370, insiden ini tidak boleh dikategorikan sebagai aktiviti keganasan dan hanya diuruskan oleh Jabatan Penerbangan Awam. Namun, MKN juga berusaha membantu melalui pelbagai inisiatif termasuk mengenal pasti lokasi akhir kapal terbang tersebut. Berlainan dengan MH17 yang boleh diklasifikasikan sebagai aktiviti keganasan, namun

insiden ini berlaku di luar negara. Dalam insiden MH17, pegawai-pegawai MKN termasuk tentera yang ditempatkan di MKN telah pergi ke lokasi nahas bagi mendapatkan kotak hitam dan berjaya menemuinya. Pegawai-pegawai MKN yang terlibat kemudiannya membawa balik kotak hitam tersebut bagi menyoiasat punca sebenar insiden. Pelaku yang menembak kapal terbang MH17 telah didakwa dan dijatuhkan hukuman serta insiden keganasan tersebut dipercayai bermotifkan politik.²³

MKN terlibat secara langsung melalui penghantaran pegawainya iaitu Kol. Sakri dan Khairil Hilmi ke lokasi kejadian. Khairil Hilmi telah memantau dari luar lokasi untuk memberikan arahan, sementara Kol. Sakri bersama-sama dengan 12 anggota tentera, polis dan Pasukan Gerakan Am turun ke lapangan untuk menjalankan rundingan. Kotak hitam yang berjaya diperolehi diawasi pergerakannya. Alexander Borodai, bekas pemimpin kumpulan pemisah pro-Rusia amat menghormati Malaysia. Imej Malaysia yang baik turut membantu dalam operasi MH17.²⁴

Berdasarkan insiden-insiden yang berlaku, dapat dilihat bentuk krisis/ancaman keganasan yang melanda negara melibatkan isu pengganas dengan matlamat menggulingkan kerajaan dan penculikan bagi mendapatkan wang tebusan, lanun laut, perebutan negara dan bencana udara. Ancaman keselamatan yang berlaku melibatkan isu pengganas dari negara luar juga telah mengakibatkan kerugian aset kerajaan (senjata yang dirampas) dan kewangan (wang tebusan) serta lanun laut yang melibatkan kapal yang disewa oleh syarikat swasta Malaysia.

Dalam isu lanun laut dan perebutan negara juga dilihat matlamat pengganas adalah berbeza. Bagi dua bencana udara yang berlaku, ia telah merugikan syarikat penerbangan Malaysia dan nyawa rakyat Malaysia serta negara lain turut terkorban. Walau bagaimanapun, salah satu bencana udara yang berlaku, iaitu MH17, berpunca daripada konflik di antara negara lain, namun kapal terbang dan rakyat Malaysia, termasuk beberapa rakyat negara lain, menjadi mangsa keadaan walaupun tiada pengakuan dibuat oleh pihak luar.

MKN memainkan peranan dalam mengeluarkan dasar-dasar berkaitan keselamatan negara sebagai panduan bagi menangani krisis dan ancaman keganasan melalui pengemaskinian Arahan MKN No. 18 (keganasan) dan pewujudan Arahan MKN No. 22 (Pulau Sipadan dan Ligitan). Rentetan daripada isu ini, pada 4 Mac 2015, Mesyuarat Jemaah Menteri telah memutuskan supaya Jabatan Peguam Negara berbincang dengan Kementerian Pertahanan mengenai peruntukan undang-undang yang memberi kuasa kepada ATM untuk turut terlibat dalam tindakan mencegah kegiatan keganasan.

Berdasarkan insiden-insiden keganasan yang berlaku, MKN dilihat lebih berperanan dalam menggubal/mengeluarkan dasar dan perundangan berkaitan

mekanisme untuk menangani insiden-insiden keganasan ini. Selain itu, MKN juga proaktif dalam menyelaraskan tindakan-tindakan oleh agensi keselamatan lain khususnya KDN, PDRM dan ATM. Walaupun peranan dan tanggungjawab MKN adalah pada peringkat strategik dan dasar atau sebagai agensi penyelarasan, MKN juga telah menghantar pegawai-pegawainya untuk turun ke lokasi kejadian bagi melakukan rundingan dan membantu mencari bahan bukti serta membantu agensi-agensi lain yang bertugas di lapangan.

Peranan MKN pada Tahun 2018 Sehingga 2021 Sebagai Penyelarasan Isu Pandemik COVID-19

Menjelang penularan wabak pandemik global iaitu COVID-19 yang melanda Malaysia pada awal tahun 2020, fungsi MKN telah berkembang. Bidang tugas menguruskan krisis COVID-19 dibahagikan kepada MKN, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), KKM, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Kementerian Luar Negeri, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), PDRM, ATM dan hampir semua agensi kerajaan yang lain. Susulan Mesyuarat Khas Menteri-Menteri Mengenai Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Bil. 1/2020 yang diadakan pada 16 Mac 2020, MKN telah dikenal pasti sebagai agensi penyelarasan utama yang menentukan tindak balas negara untuk menangani penularan wabak COVID-19.

Fungsi dan peranan MKN telah berkembang daripada menjaga keselamatan negara dari aspek perbalahan kaum, sehinggalah menjaga krisis negara dari aspek kesihatan iaitu wabak COVID-19. Perkembangan fungsi dan peranan MKN ini selari dengan perubahan ancaman kontemporari global yang melanda dunia.

Dalam menyelaraskan pandemik COVID-19, MKN telah menubuhkan kumpulan-kumpulan kerja dalaman yang menfokuskan kepada tugas menangani pandemik COVID-19. Kumpulan-kumpulan kerja ini pada mulanya dibahagikan mengikut kluster seperti kluster *interagensi* yang bertanggungjawab menyelaraskan pertanyaan dan permohonan daripada kementerian dan agensi kerajaan termasuk syarikat-syarikat swasta, kluster *interstate* yang bertanggungjawab menyelaraskan isu-isu di negeri, kluster prosedur operasi standard yang mengeluarkan SOP Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kluster komunikasi yang bertanggungjawab untuk memantau isu-isu berkaitan viral dan siaran-siaran di media termasuk media sosial, kluster pusat panggilan yang menyelaraskan pertanyaan dan maklum balas orang awam, dan kluster pematuhan SOP yang bertanggungjawab untuk menyelaraskan pemantauan pematuhan SOP oleh masyarakat bersama dengan agensi keselamatan yang lain. MKN juga bertindak sebagai urus setia kepada mesyuarat penyelarasan PKP pada peringkat tertinggi yang melibatkan menteri-menteri dan pada peringkat jawatankuasa teknikal yang melibatkan wakil-wakil daripada semua agensi dan kementerian yang terlibat untuk menangani pandemik COVID-19.

Apabila kes jangkitan COVID-19 semakin meningkat, Perdana Menteri ketika itu telah mengisytiharkan darurat bagi seluruh negara berkuat kuasa mulai 11 Januari 2021 hingga 1 Ogos 2021, setelah mendapat perkenan daripada Yang di-Pertuan Agong. Pengisytiharan darurat ini dilaksanakan sebagai langkah proaktif untuk membendung penularan COVID-19 dan meningkatkan penguatkuasaan keselamatan dan ketenteraman awam (Astro Awani 2021). Satu Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Darurat telah ditubuhkan untuk memantau isu-isu berkaitan pelaksanaan dan pengurusan darurat (Rafidah 2021). Segala keputusan sepanjang pelaksanaan darurat dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Darurat dan akan diangkat untuk persetujuan Sidang Darurat Majlis Keselamatan Negara. Selain itu, Yang di-Pertuan Agong sebelumnya juga telah memperkenankan pembentukan satu Jawatankuasa Bebas yang dianggotai oleh ahli-ahli parlimen kerajaan dan pembangkang serta pakar-pakar kesihatan dan yang berkaitan (Ismail 2021). Yang di-Pertuan Agong juga memaklumkan bahawa Jawatankuasa Bebas ini akan mengesyorkan beliau sekiranya pelaksanaan darurat dapat ditamatkan lebih awal. Proklamasi darurat yang diisytiharkan bukan satu bentuk rampasan kuasa tentera dan perintah berkurung juga tidak dilaksanakan. Dalam tempoh darurat, jentera pentadbiran kerajaan persekutuan dan negeri serta aktiviti ekonomi, Bursa Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti tetap boleh berfungsi (Astro Awani 2021). Walau bagaimanapun, Pilihan Raya Umum, Pilihan Raya Negeri dan Pilihan Raya Kecil tidak diadakan sepanjang tempoh darurat (Fareez 2021).

Langkah-langkah lain yang dilaksanakan oleh MKN dalam mengurus pandemik COVID-19 adalah dengan menyelaras penubuhan National Task Force (NTF) pada 6 Mei 2021. Salah satu peranan NTF ialah melaksanakan Operasi Benteng (Ops Benteng) yang diaktifkan pada 12 Mei 2020 sebagai usaha pihak kerajaan untuk mengekang jenayah rentas sempadan dan memperkukuh serta memperkasakan kawalan sempadan negara dari kemasukan PATI yang bertujuan untuk membendung penularan wabak COVID-19. NTF turut diwujudkan bagi menyelaras operasi secara bersepadu melibatkan 19 buah agensi keselamatan dan penguatkuasaan di sempadan negara, dengan 4 agensi utama iaitu ATM, PDRM, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan JIM, melalui tiga komponen iaitu operasi maritim, operasi darat dan operasi udara (MKN 2021b).

Ops Benteng telah berjaya membantu membendung kemasukan PATI ke negara dengan jumlah keseluruhan PATI dan tekong yang ditahan bermula pada tempoh Ops Benteng dilaksanakan sehingga 19 Mei 2021 adalah seramai 15,586 orang PATI dan 1,049 orang tekong. MKN turut menyelaras perbincangan bagi menyelesaikan isu dan masalah berkaitan perjawatan, peruntukan dan aset-aset dalam pelaksanaan operasi-operasi bawah NTF (MKN 2021b).

Selepas Perdana Menteri telah bertukar bawah pemerintahan Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, MKN bersama-sama KKM telah menyelaraskan pelaksanaan program vaksinasi. Seterusnya pada 1 April 2022, sempadan yang ditutup sebelum ini akibat pandemik COVID-19 telah dibuka semula (Pejabat Perdana Menteri Malaysia dan Pejabat Perdana Menteri Republik Singapura 2022). Perkara ini menunjukkan bahawa MKN sebagai penyelaraskan pandemik COVID-19 berjaya menyelaraskannya dengan berkesan.

Walau bagaimanapun, di sebalik kejayaan tersebut terdapat juga cabaran dan kelemahan dalam penyelarasan MKN seperti kelemahan dalam aspek koordinasi antara agensi yang menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat terhadap peranan dan tanggungjawab MKN serta agensi yang lain. Kekeliruan timbul semasa MKN menjadi penyelaraskan pandemik COVID-19. Sebagai contoh, kelulusan permohonan ke luar negara dan masuk ke dalam negara semasa tempoh PKP disalurkan ke MKN walaupun sebenarnya ia perlu disalurkan kepada JIM. Selain itu, permohonan pengecualian kuarantin yang sepatutnya disalurkan kepada NADMA tetapi disalurkan ke MKN. Permohonan kemasukan jet persendirian dan kapal terbang masuk ke dalam negara dan ke luar negara juga disalurkan ke MKN walaupun sepatutnya disalurkan ke Kementerian Pengangkutan Malaysia. Begitu juga dengan permohonan merentas daerah dan negeri yang sepatutnya disalurkan kepada PDRM tetapi disalurkan ke MKN.

Kekeliruan turut berlaku terhadap kebenaran beroperasi bagi pejabat dan pusat perniagaan yang sepatutnya disalurkan ke MITI tetapi disalurkan kepada MKN. Kekeliruan peranan dan fungsi MKN dalam menangani pandemik COVID-19 di antara MKN dan KKM juga berlaku.²⁵ Walaupun MKN dan agensi lain telah membuat pemakluman bidang tugas melalui pelbagai saluran termasuk aplikasi Telegram, berita dan media sosial serta mewujudkan pusat panggilan MKN di setiap agensi kerajaan, namun ia masih menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat.

Kekeliruan terhadap perbezaan fungsi dan peranan MKN dengan kementerian/ agensi lain adalah disebabkan oleh MKN merupakan agensi yang bertindak di belakang tabir. MKN mempunyai kuasa untuk menyelaraskan agensi-agensi berkaitan, namun peranannya tidak semestinya perlu ditonjolkan. Agensi-agensi tersebut tidak akan bertindak secara bersendirian, sebaliknya akan merujuk kepada MKN terlebih dahulu. Selain itu, keberkesanan MKN juga bergantung pada kualiti kepimpinan yang menerajui organisasi tersebut. Sekiranya dipimpin oleh individu yang kurang berpengetahuan, keputusan yang tepat mungkin sukar dicapai.²⁶

Selain itu, kelemahan juga berpunca daripada perebutan kuasa antara agensi kerajaan. Isu ini kerap dibangkitkan dalam Mesyuarat Teknikal dan Sidang Darurat. Sebagai contoh, penubuhan NTF yang diketuai oleh ATM kurang

disenangi oleh PDRM, sehingga tahap kerjasama yang diberikan tidak begitu memuaskan, dengan alasan mereka ingin memberi tumpuan kepada sekatan jalan raya dan tugas-tugas lain. Di samping itu, isu peralihan fasa PKP turut menimbulkan kekeliruan dalam kalangan rakyat mengenai pergerakan yang dibenarkan.²⁷

Terdapat juga cabaran dalam perkongsian maklumat. Hal ini berkemungkinan disebabkan agensi-agensi tidak memahami impak atau disebabkan masalah komunikasi dan kekangan masa. Perkongsian maklumat amat penting kerana MKN perlu membuat keputusan bagi agensi lain yang memerlukan maklumat yang lengkap dan pantas. Selain itu, perkongsian maklumat terkini masih dilakukan secara manual dan maklumat agak sukar dikumpul secara sistematik.²⁸

Di samping itu, terdapat juga kelemahan dalam komunikasi antara agensi dengan komuniti. Banyak perkara yang boleh dibuat untuk meningkatkannya seperti mengambil pengalaman dan kepakaran swasta dari aspek bagaimana meningkatkan komunikasi dengan masyarakat, mengambil peluang yang ada serta banyak lagi inisiatif melalui media sosial dan sebagainya. Kerajaan perlu fokus kepada isu kesilapan maklumat dan perlu mengambil pendekatan dan strategi bagaimana untuk menanganinya. Selain itu, kerajaan harus meningkatkan cara berkomunikasi dengan masyarakat serta sentiasa peka dan bersikap ambil tahu.²⁹ Perkara ini memerlukan bantuan penyelarasan daripada MKN.

Selain itu, terdapat masalah penyelarasan antara MKN pusat dengan MKN negeri, khususnya akibat campur tangan kerajaan negeri yang menyukarkan proses penyelarasan. Kerajaan negeri lazimnya mempunyai pandangan dan peraturan tersendiri yang perlu dipatuhi oleh MKN negeri, sekali gus mengekang keupayaan MKN negeri untuk mematuhi sepenuhnya ketetapan yang ditetapkan oleh MKN pusat. Campur tangan kerajaan negeri juga menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat berikutan ketidakseragaman peraturan antara MKN pusat dan negeri. Di samping itu, terdapat juga keadaan di mana MKN negeri bertindak tanpa merujuk terlebih dahulu kepada MKN pusat, sehingga menimbulkan pelbagai isu. Hal ini dikatakan demikian kerana sebarang masalah yang timbul lazimnya memerlukan MKN pusat untuk bertanggungjawab menyelesaikan atau memberikan penjelasan terhadap isu tersebut. Masalah penyelarasan ini turut jelas terlihat dalam pengurusan pandemik COVID-19, apabila wujud perbezaan dalam peraturan yang ditetapkan antara MKN pusat dengan MKN negeri.

Jika dilihat dari sudut kesan campur tangan politik terhadap keberkesanan pengurusan krisis COVID-19 oleh MKN, wujud perbezaan keutamaan antara kementerian. Kementerian Kesihatan lebih menitikberatkan aspek kesihatan awam, manakala Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

pula memberikan penekanan kepada kelangsungan ekonomi serta sumber pendapatan (periuk nasi) sektor industri. Namun, sektor industri juga dikenal pasti sebagai antara penyumbang kepada peningkatan jangkitan wabak COVID-19. Selain itu, campur tangan politik melalui pelaksanaan pilihan raya di negeri Sabah turut menyumbang kepada peningkatan kadar jangkitan, walaupun MKN telah mengeluarkan SOP berkaitan perkara tersebut.³⁰

Selain itu, perubahan fungsi dan peranan MKN dalam menguruskan pandemik COVID-19, termasuk mesyuarat dan perbincangan yang dilaksanakan hampir setiap hari, telah menambahkan beban tugas organisasi tersebut. Situasi ini menyebabkan kakitangan dan pegawai MKN sedia ada pada peringkat pusat mahupun negeri tidak mampu menampung pertambahan tugas yang semakin meningkat.

Dalam masa yang sama, MKN turut berdepan dengan isu penyebaran berita palsu. Sebagai contoh, pelbagai isu telah ditimbulkan oleh kumpulan antivaksin susulan pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan.³¹

KESIMPULAN

Kesimpulannya, perubahan dan perkembangan fungsi dan peranan MKN telah memperkukuhkan kedudukan MKN sebagai agensi penyelaras utama keselamatan negara. Jika dilihat kepada kemampuan MKN, jelas terbukti bahawa MKN mampu melaksanakan fungsinya bermula daripada penubuhannya sebagai MAGERAN yang mampu menangani isu ketenteraman awam/perkauman, membantu menyelaras isu berkaitan keganasan/penculikan bagi mendapatkan wang tebusan, pelarian, lanun laut, bencana udara, pencerobohan, sehinggalah menjadi penyelaras untuk menangani isu kesihatan ketika pandemik COVID-19 melanda negara. Namun, bagi memastikan MKN terus menjadi sebuah agensi induk yang lebih kukuh dan efektif, MKN perlu melakukan perubahan atau reformasi bagi menangani cabaran dan kelemahan yang wujud.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia dan *Jurnal Kajian Malaysia* yang membantu penerbitan artikel ini. Penghargaan juga kepada pegawai-pegawai kanan kerajaan daripada MKN, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, KKM dan NADMA serta pihak swasta seperti Petronas dan Malaysia Airports Holdings Berhad serta NGO daripada Yayasan Ikhlas dan UNHCR yang sudi ditemu bual.

NOTA

1. Rodzi Md Saad. Ketua Pengarah Keselamatan Negara. Temu bual pada 14 Julai 2022 di Putrajaya.
2. Kaisan Kassim. Pengurus Sokongan Strategik, Bahagian Keselamatan Kumpulan Petronas. Temu bual pada 31 Januari 2023 di Bangi, Selangor.
3. Ahmad Harris Azizool Arif. Pengurus Kanan (Pegawai Khas Kepada Pengarah Urusan), Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB). Temu bual pada 31 Januari 2023 di Cyberjaya, Selangor.
4. Pegawai United Nations High Commissioner for Refugees (UNHCR). Penolong pegawai pendidikan/Ketua pendidikan. Temu bual pada 7 Februari 2023 di Kuala Lumpur.
5. Kamaruddin Kassim. Pengarah Bahagian Korporat, Yayasan Ikhlas. Temu bual pada 2 Februari 2023 di Bangi, Selangor.
6. Dr. Mahesh Appannan. Ketua Bahagian Data, Crisis Preparedness and Response Centre (CPRC), merangkap Ketua Penolong Pengarah Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Temu bual pada 19 Januari 2023 di Putrajaya.
7. Dr. Nazira Abdul Rahman. Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) serta bekas Pengarah Bahagian Korporat dan Dasar (BKD), MKN. Temu bual pada 10 Januari 2023 di Putrajaya.
8. Tajul Ariffin Muhamad. Pengarah Bahagian Pengurusan Krisis dan Perisikan Negara (BPPKN), MKN. Temu bual pada 10 Januari 2023 di Putrajaya.
9. Rodzi Md Saad. Temu bual.
10. Dr. Nazira Abdul Rahman. Temu bual.
11. Tajul Ariffin Muhamad. Temu bual.
12. Dr. Nazira Abdul Rahman. Temu bual.
13. Pegawai UNHCR. Temu bual.
14. Tajul Ariffin Muhamad. Temu bual.
15. Dr. Nazira Abdul Rahman. Temu bual.
16. Tajul Ariffin Muhamad. Temu bual.
17. Dr. Nazira Abdul Rahman. Temu bual.
18. Ibid.
19. Tajul Ariffin Muhamad. Temu bual.
20. Ibid.
21. Dr. Nazira Abdul Rahman. Temu bual.
22. Tajul Ariffin Muhamad. Temu bual.
23. Ibid.

24. Dr. Nazira Abdul Rahman. Temu bual.
25. Addyhanis Ahamad. Pengarah Seksyen Penyelarasan Operasi NADMA dan bekas Pengarah Bahagian Pengurusan Sempadan Darat (BPSD), MKN. Temu bual pada 13 Julai 2022 di Putrajaya.
26. Dr. Nazira Abdul Rahman. Temu bual.
27. Ibid.
28. Dr. Mahesh Appannan. Temu bual.
29. Ibid.
30. Temu bual dengan Dr. Nazira, JPNIN
31. Ibid.

RUJUKAN

- Amirul Asraf. 2020. Tragedi Pulau Bidong, Kisah Pelarian Vietnam 'Besar Kepala' Selepas Selesa Tinggal Di Malaysia. 23 April. <https://ohbulan.com/tragedi-pulau-bidong-kisah-pelarian-vietnam-besar-kepala-selepas-selesa-tinggal-di-malaysia> (25 November 2023).
- Astro Awani. 2021. Teks penuh pengumuman khas darurat oleh PM Muhyiddin. 12 January. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/teks-penuh-pengumuman-khas-darurat-oleh-pm-muhyiddin-277288> (accessed 20 November 2023).
- Amir, M.S. 2017. 5 tragedi runtuh bangunan paling dahsyat di Malaysia. 30 September. <https://iluminasi.com/bm/6-runtuh-bangunan-paling-dasyhat-di-malaysia.html> (accessed 20 November 2023).
- Azizah Hamzah. 2010. Kaedah kualitatif dalam penyelidikan sosiobudaya. *Jurnal Pengajian Media Malaysia* 6(1): 1–12.
- Baruah, A. 2000. Rebels decline to free hostages. 19 August. *The Hindu*. <https://www.hindu.com/2000/08/20/stories/03200007.htm> (accessed 19 November 2023).
- Bernama. 2015. Pasukan petugas khas saring kemasukan pelarian Syria – KDN. *mStar*. 14 December. <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2015/12/14/saringan-pelarian-syria-kdn> (accessed 19 November 2023).
- _____. 2019. Tak dapat lupa tragedi Al-Maunah. *Harian Metro* 19 September. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/09/498259/tak-dapat-lupa-tragedi-al-maunah> (accessed 19 November 2023).
- Demarest, H.B. and E.D. Borghard, eds. 2018. *US National Security reform: Reassessing the National Security Act of 1947*. Oxon & New York: Routledge. <https://doi.org/10.4324/9781351171564>
- Fareez Azman. 2021. Ini yang anda perlu tahu mengenai Proklamasi Darurat. *Astro Awani*. 17 January. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ini-yang-anda-perlu-tahu-mengenai-proklamasi-darurat-278232> (accessed 19 November 2023).

- Foong, J. 2011. 7 Lanun Somalia tiba di Malaysia untuk diadili. *mStar*. 31 January. <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2011/01/31/7-lanun-somalia-tiba-di-malaysia-untuk-diadili> (accessed 15 November 2023).
- Fukushima, M. and R.J. Samuels. 2018. Japan's National Security Council: Filling the whole of government? *International Affairs* 94(4): 773–790. <https://doi.org/10.1093/ia/iyy032>
- Ishak Saat. 2013. Tun Abdul Razak Hussein: Survival politik Melayu 1963–1976. *Jurnal Perspektif* 6(3): 122–137
- Ismail Mat. 2021. 19 dilantik anggotai Jawatankuasa Khas Bebas Darurat 2021. *BH Online*. 9 February. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/02/784614/19-dilantik-anggotai-jawatankuasa-khas-bebas-darurat-2021> (accessed 20 November 2023).
- Kamarul Azmi Jasmi. 2012. Metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif. Working paper. Universiti Teknologi Malaysia.
- Kaynar, A.K. 2017. Making of military tutelage in Turkey: The National Security Council in the 1961 and 1982 Constitutions. *Turkish Studies* 19(3): 451–481. <https://doi.org/10.1080/14683849.2017.1387055>
- Kay Suhaimi. 2018. Krisis tebusan Bangunan AIA (Jalan Ampang). 1975 oleh militan pengganas Jepun. *Iluminasi*. 8 April. <https://iluminasi.com/bm/krisis-tebusan-bangunan-aia-oleh-tentera-merah-jepun.html> (accessed 17 November 2023).
- MKN (Majlis Keselamatan Negara). n.d. Sejarah. <https://www.mkn.gov.my/web/ms/sejarah-mkn/> (accessed 17 November 2023).
- _____. 2021a. Dasar keselamatan negara 2021–2025. <https://asset.mkn.gov.my/web/wp-content/uploads/sites/3/2019/08/DASAR-KESELAMATAN-NEGARA-2021-2025.pdf> (accessed 17 November 2023).
- _____. 2021b. Kertas cadangan pewujudan struktur dan perjawatan sementara bagi *national task force* untuk operasi benteng. Dokumen rasmi MKN.
- _____. 2023. Arahan MKN No. 23: Dasar dan mekanisme pengurusan pelarian dan pemohon suaka (Semakan 2023). Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri.
- Malaysiakini*. 2014. Teks penuh usul mengenai tragedi MH17. 23 July. <https://www.malaysiakini.com/news/269670> (accessed 17 November 2023).
- Mohd Sohaimi Esa and Romzi Ationg. 2020. Majlis Gerakan Negara (MAGERAN): Usaha memulihkan semula keamanan negara Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* 5(12): 170–178. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i12.585>
- mStar*. 2014a. Anggota Abu Sayyaf terlibat insiden penculikan pada 2000 ditahan. 24 April. <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2014/04/24/abu-sayyaf> (accessed 25 November 2023).
- _____. 2014b. MH17: MAS dedah senarai nama penumpang. 19 July. <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2014/07/19/senarai-nama-penumpang-mh17> (accessed 25 November 2023).
- _____. 2015a. Memori MH370: Kronologi. 8 March. <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2015/03/08/kronologi-mh370> (accessed 25 November 2023).

- _____. 2015b. Kronologi tragedi MH17: Malaysia menuntut keadilan. 13 October. <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2015/10/13/kronologi-tragedi-mh17> (accessed 25 November 2023).
- Nor Azlah Sham Rambely and Rashidah Mamat. 2017. Tragedi 13 Mei 1969: Satu laporan bersumberkan rekod Foreign and Commonwealth Office. *International Journal of Law, Government and Communication* 2(6): 139–154.
- Nor Azlah Sham Rambely and Mohamed Ali Haniffa. 2018. Dinamika pembentukan komuniti dalam sejarah Malaysia: Pelajaran dari Peristiwa 13 Mei 1969. e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. 23–24 April.
- Parker, C.G. 2020. The UK National Security Council and misuse of intelligence by policy makers: Reducing the risk? *Intelligence and National Security* 35(7): 990–1006. <https://doi.org/10.1080/02684527.2020.1780023>
- Parlimen Malaysia. 2016. Akta Majlis Keselamatan Negara 2016 (Akta 776). <https://www.mkn.gov.my/web/wp-content/uploads/sites/3/2019/08/Akta-MKN-2016-BM.pdf> (accessed 25 November 2023).
- Pejabat Perdana Menteri Malaysia and Pejabat Perdana Menteri Republik Singapura. 2022. Kenyataan media bersama Ismail Sabri Yaakob, Perdana Menteri Malaysia dan Lee Hsien Loong, Perdana Menteri Republik Singapura. 24 March. <https://www.pmo.gov.my/wp-content/uploads/2022/03/KENYATAAN-MEDIA-PEMBUKAAN-SEMPADAN-DARAT-MALAYSIA-SINGAPURA.pdf> (accessed 20 November 2023).
- Rafidah Mat Ruzki. 2021. Jawatankuasa teknikal pengurusan darurat ditubuhkan. *BH Online*. 16 January. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/01/776842/jawatankuasa-teknikal-pengurusan-darurat-ditubuhkan> (accessed 20 November 2023).
- Radzi Razak. 2014. Menteri tolak teori angkara pengganas. *Malaysiakini*. 10 March. <https://www.malaysiakini.com/news/256650> (accessed 17 November 2023).
- Raiham Mohd Sanusi. 2020. Peristiwa Lahad Datu sejarah hitam Malaysia. *Sinar Harian*. 22 September. <https://www.sinarharian.com.my/article/102150/BERITA/Nasional/Peristiwa-Lahad-Datu-sejarah-hitam-Malaysia> (accessed 18 November 2023).
- Roznah Abdul Jabbar. 2020. 27 tahun selepas Highland Tower runtuh, projek cerun masih berisiko tinggi. *Malaysia Now*. 7 October. <https://www.malaysianow.com/my/news/2020/10/07/27-tahun-selepas-highland-tower-runtuh-projek-cerun-masih-berisiko-tinggi> (accessed 18 November 2023).
- UNHCR (United Nations High Commissioner for Refugees). 1996. Conclusion of comprehensive plan of action for Indo-Chinese Refugees. Press release REF/1147, 25 June. <https://press.un.org/en/1996/19960625.ref1147.html> (accessed 25 November 2023).
- _____. 2005. Last Vietnamese boat refugee leaves Malaysia. 30 August. <https://www.unhcr.org/my/news/last-vietnamese-boat-refugee-leaves-malaysia> (accessed 20 November 2023).
- Wan Shawaluddin Wan Hassan and Ramli Dollah. 2008. Isu-isu keselamatan Sabah dan impak kepada Malaysia. *Jati – Journal of Southeast Asian Studies* 13: 49–68.